

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**ISU GANGGUAN CAPAIAN SISTEM APLIKASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin merujuk kepada isu gangguan capaian beberapa aplikasi utama KPM, iaitu Sistem Bersepadu KPM (MOEIS) dan Sistem Pengurusan Identiti (idMe) yang merupakan sistem Daftar Diri Tunggal (Single Sign On (SSO)) bagi setiap pengguna aplikasi KPM.

Sebagai makluman, gangguan capaian sistem telah mula dikesan pada 15 Januari 2023 yang disebabkan trafik capaian yang amat tinggi daripada pengguna sistem iaitu para guru yang sedang melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) secara dalam talian.

KPM telah mengambil tindakan pemulihan interim pada pangkalan data serta sistem aplikasi terlibat dan telah dapat mengatasi salah satu isu yang telah dikenal pasti iaitu konflik capaian di antara idMe dan modul aplikasi MOEIS pada 16 Januari 2023. Namun begitu, gangguan capaian kepada sistem dikesan berlaku semula secara tenggelam timbul (intermittent) pada 19 Januari 2023.

Tindakan penambahbaikan pada peringkat rangka kerja (framework) pangkalan data dan pengaturcaraan aplikasi telah dilaksanakan bagi meningkatkan kestabilan capaian. Sehingga hari ini, prestasi capaian adalah semakin baik namun ia masih belum pulih sepenuhnya. Pemantauan prestasi capaian sistem dan tindakan pemulihan diteruskan secara rapat dan segera bagi memastikan isu gangguan capaian dapat diatasi secara menyeluruh.

Para guru juga mempunyai tempoh sehingga **10 Mac 2023** untuk melaksanakan aktiviti perekodan dan pelaporan PBD sebagaimana yang termaktub dalam Jadual Kerja PBD Akhir Sesi Akademik 2022/2023.

KPM memahami kesulitan yang dihadapi oleh para guru dan memohon maaf atas masalah tersebut serta akan memastikan supaya prestasi capaian aplikasi KPM adalah di tahap yang cemerlang.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
27 JANUARI 2023**